

Jangan guna sejarah silam untuk timbulkan kebencian — Mahathir

Mn.M' 23 JUL 1989

MELAKA 22 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat jangan menggunakan sejarah yang berlalu untuk menimbulkan kebencian antara satu pihak dengan pihak yang lain.

Sebaliknya, Perdana Menteri mahu sejarah itu digunakan ke arah kebaikan dan kegemilangan negara.

Katanya, ada orang yang benci kepada negara lain kerana sejarahnya.

Beliau berkata, sifat permusuhan ini tidak harus dikekalkan dalam hati mereka.

Menurut beliau, rakyat mestilah mengambil iktibar dari sejarah yang lalu untuk memajukan diri dan negara.

Berucap merasmikan peravaan Karnival Melaka dan sambutan pengisytiharan Melaka Sebagai Bandaraya Bersejarah di tapak Pusat Ekspo Air Keruh di sini petang ini, Perdana Menteri bagaimanapun menasihatkan rakyat supaya jangan asyik menceritakan tentang sejarah

kegemilangan lalu tanpa mahu meningkatkan usaha dan tenaga.

Beliau menegaskan, apa yang penting sekarang rakyat hendaklah mengutamakan perkara yang berlaku sekarang.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, rakyat hendaklah berusaha agar kegemilangan yang dicapai di zaman lalu dapat dicapai atau diprolehi dengan lebih baik lagi di masa ini.

Perdana Menteri berkata, sejarah kegemilangan dulu hendaklah dijadikan sebagai peringatan dan perangsang ke arah mencapai kegemilangan yang lebih baik lagi.

Katanya, sejarah kegemilangan dulu hendaklah dijadikan asas dan keyakinan ke arah usaha dan tenaga memajukan negara.

Beliau berkata, kerajaan mahu melihat rakyat di negara ini berdiri sama tinggi dan

berjaya mengatasi masalah kaum sejak merdeka lagi jika dibandingkan dengan negara-negara lain yang mempunyai masalah kaum yang rumit.

Inilah kali kedua Perdana Menteri merasmikan Karnival Melaka. Kali pertama tahun 1987.

Untuk itu, tegasnya, kerajaan mahu lihat setiap rakyat berusaha dengan lebih gigih dan menjadikan sejarah kegemilangan dulu sebagai asas tindakan.

Beliau menasihatkan rakyat supaya jangan ingat bila sudah merdeka kita sudah tidak dijajah lagi.

Sebaliknya, kata beliau, 'penjajahan' itu boleh-berlaku dalam bentuk lain kerana itu rakyat hendaklah berhati-hati dan jangan bersenang-lenang.

Dalam ucapannya juga, Perdana Menteri berkata, setiap kaum di negara ini hendaklah menyatukan tenaga ke arah memajukan negara.

Untuk itu, katanya, setiap kaum hendaklah mempunyai sifat bertoleransi antara satu sama lain dan sifat ini perlu dikekalkan walaupun masing-masing mempunyai kepentingan sendiri.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, negara kita telah